

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Pinjaman BizMoney UOB. Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat am.)</p>	<p>United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No.Syarikat 199301017069) (271809-K))</p> <p>Produk: Pinjaman BizMoney UOB (Pinjaman)</p> <p>Tarikh:</p>								
<p>1. Apakah produk ini?</p>									
<p>Ini merupakan pembiayaan berjangka tanpa jaminan untuk membantu anda dalam memenuhi modal kerja dan keperluan perniagaan anda. Ia dikira atas dasar kadar tetap sepanjang tempoh pinjaman/Tempoh Pembayaran Balik.</p>									
<p>2. Apakah yang boleh saya peroleh daripada produk ini?</p>									
<p>Ilustrasi:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Item</th> <th>Huraian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah Kemudahan</td> <td>RM <Jumlah yang Dipinjam></td> </tr> <tr> <td>Tempoh Bayaran Balik</td> <td><Tempoh yang Digunakan> bulan</td> </tr> <tr> <td>Kadar yang Ditetapkan</td> <td><Kadar Tetap dalam %> rata setahun</td> </tr> </tbody> </table>		Item	Huraian	Jumlah Kemudahan	RM <Jumlah yang Dipinjam>	Tempoh Bayaran Balik	<Tempoh yang Digunakan> bulan	Kadar yang Ditetapkan	<Kadar Tetap dalam %> rata setahun
Item	Huraian								
Jumlah Kemudahan	RM <Jumlah yang Dipinjam>								
Tempoh Bayaran Balik	<Tempoh yang Digunakan> bulan								
Kadar yang Ditetapkan	<Kadar Tetap dalam %> rata setahun								
<p>3. Apakah tanggungjawab saya?</p>									
<p>Ansuran bulanan adalah tetap dan jumlah faedah yang dikenakan adalah berdasarkan kadar tetap yang ditentukan sepanjang Tempoh Pembayaran Balik.</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Kadar</th> <th>Kadar yang Ditetapkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ansuran Bulanan</td> <td>RM< ></td> </tr> <tr> <td>Kadar faedah yang dikenakan</td> <td>RM< ></td> </tr> </tbody> </table>		Kadar	Kadar yang Ditetapkan	Ansuran Bulanan	RM< >	Kadar faedah yang dikenakan	RM< >		
Kadar	Kadar yang Ditetapkan								
Ansuran Bulanan	RM< >								
Kadar faedah yang dikenakan	RM< >								
<p>4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</p>									
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Duti Setem Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) ▪ Fi Jaminan Sekiranya Perlindungan Jaminan* diluluskan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), fi jaminan yang digunakan (seperti yang ditetapkan oleh SJPP) adalah antara 0.75% hingga 1.0% setahun yang akan dikenakan dan dibayar terlebih dahulu ke atas perlindungan jaminan yang diluluskan oleh SJPP. Bank akan memotong Fi Jaminan selaras dengan tempoh yang dipohon daripada Pinjaman BizMoney yang diluluskan. 									

- **Fi Guaman**
Perlu dibayar kepada peguam cara yang mengendalikan dokumentasi tambahan (jika ada) untuk pinjaman.
- **Fi & Caj Lain**
Sila rujuk kepada surat tawaran dan laman web korporat kami @www.uob.com.my untuk keterangan lanjut.

Nota:

* Di bawah Skim Jaminan SJPP, perlindungan jaminan adalah sehingga 80% daripada Jumlah Kemudahan, tertakluk kepada kelulusan SJPP.

5 Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Kadar Faedah Ingkar	<p>1% setahun ke atas mana-mana ansuran tertunggak Pinjaman.</p> <p>Kadar Faedah Ingkar (atau apa-apa kadar lain yang mungkin dikenakan oleh Bank pada bila-bila masa dan pada budi bicara mutlak) akan dikenakan ke atas wang yang tertunggak dan perlu dibayar kepada kami termasuk faedah, fi, komisen dan caj yang tidak dibayar apabila dijangka.</p> <p>Kadar Faedah Ingkar akan dikenakan dari tarikh keingkaran sehingga tarikh pembayaran penuh, kedua-duanya selepas dan sebelum sebarang tuntutan atau penghakiman, dan walaupun jika hubungan antara pelanggan dan bank mungkin telah berakhir.</p>
Hak untuk tolak selesai	Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki yang tertunggak dalam akaun pinjaman ini.
Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang	<p>Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan) jika anda gagal menjawab notis peringatan.</p> <p>Bank boleh melaksanakan haknya di bawah Pinjaman dan memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan).</p> <p>Nota:Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda, justeru membawa kepada kedudukan kredit yang buruk atau menyebabkan kos tambahan kepada anda.</p>
Hak untuk menolak/ menarik balik kemudahan	Bank mengekalkan hak untuk menolak atau menarik balik Pinjaman yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam kepercayaan kredit anda dan keupayaan anda untuk membayar balik pinjaman ini mengikut terma dan syarat yang dipersetujui.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan pinjaman dengan sepenuhnya sebelum kematangan?

Anda boleh menyelesaikan Pinjaman dengan sepenuhnya sebelum akhir tempoh dengan memberikan kami notis bertulis satu (1) bulan. Fi penyelesaian awal sebanyak 3.0% akan dikenakan ke atas Jumlah Kemudahan yang diluluskan, tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak RM5,000.00.

Nota: Fi jaminan yang dibayar kepada SJPP (jika ada) tidak akan dipulangkan kepada anda.

7. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Pinjaman UOB BizMoney adalah bebas cagaran, oleh itu, Pinjaman ini hanya memerlukan jaminan daripada pemegang saham atau pengarah. Tidak ada keperluan untuk menawarkan harta atau Simpanan Tetap sebagai jaminan.

Perlindungan jaminan sehingga 80% ke atas Pinjaman akan dikenakan oleh SJPP (jika berkenaan).

Nota: Perkara di atas mungkin berubah mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran.

8. Bolehkah saya menggunakan peguam saya sendiri yang tidak disenaraikan dalam direktori peguam panel Bank?

Untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam penyediaan dokumentasi pinjaman, pelantikan firma guaman dalam panel Bank adalah sangat digalakkan.

Jika anda melantik mana-mana firma guaman lain yang bukan di bawah panel Bank, anda boleh berbuat demikian dengan syarat ia memenuhi kriteria pelantikan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda, sila maklumkan cawangan perkhidmatan bagi akaun anda atau Pengurus Perhubungan UOB anda atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan di talian (6) 03-2616 6800.

10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Akaun UOB anda atau hubungi kami sebagaimana yang dinyatakan di atas.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghubungi kami di Pusat Panggilan UOB yang beroperasi 24 jam, seperti berikut:

Kuala Lumpur	(6) 03-26128 121
Pulau Pinang	(6) 04-2401 121
Johor Bahru	(6) 07-2881 121
Kuching	(6) 082-287 121
Kota Kinabalu	(6) 088-477 121

E-mel: uobcustomerservice@uob.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1-300-88-5465

Faks : 03-21741515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

- Sekiranya pihak Bank menolak permohonan anda untuk Pinjaman BizMoney UOB, anda boleh merujuk kepada Khidmat Nasihat Pembiayaan di Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC) untuk mendapat bantuan lanjut tentang permohonan pembiayaan anda.

Di Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC, anda dapat memahami dengan lebih baik sebab permohonan anda ditolak; mendapat maklumat untuk meningkatkan kelayakan pembiayaan anda pada masa hadapan; dan berpotensi mendapat pembiayaan daripada sumber alternatif.

Jika anda berminat untuk menerima khidmat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC, sila hubungi 03-7880 0088 (Waktu Operasi: 8.30 pagi – 5.30 petang, Isnin – Jumaat), hantar e-mel ke myknp@cgc.com.my atau layari www.myknp.com.my

11. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk dan perkhidmatan Bank, sila kunjungi cawangan UOB yang terdekat atau log masuk ke www.uob.com.my untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pasukan Penglibatan Perbankan Perniagaan UOB kami dari Isnin hingga Jumaat (9.00 pagi hingga 5:30 petang) di talian (6) 03-2616 6800.

12. Pakej pinjaman lain yang disediakan

- Sila rujuk kepada Pengurus Akaun anda untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK TERUSKAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN BIZMONEY UOB ANDA.

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sebagai petunjuk sahaja dan tidak akan mengikat Bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan Terma dan Syarat BizMoney, selepas penilaian dan kelulusan Bank ke atas pembiayaan tersebut.